

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Kisah jururawat Malaysia di luar negara

Oleh ARIF AIMAN ASROL,
YATIMIN ABDULLAH dan
JOHANNA MUMTAZ WANPA
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Jurang gaji yang sangat ketara dan beban luar tugas menjadi antara faktor utama ramai golongan jururawat di Malaysia memilih untuk bekerja di luar negara.

Antara negara menjadi pilihan ialah Singapura, Arab Saudi dan beberapa negara di Asia Barat yang menawarkan gaji serta elaun tinggi, selain beberapa kemudahan lain termasuk rumah percuma kepada mereka.

Selain itu, jururawat di luar negara juga bekerja antara tiga hingga empat hari seminggu dengan jam bekerja yang lebih pendek iaitu 12 jam sehari.

Kata mereka, walaupun terpaksa berjauhan dengan keluarga tetapi dengan pendapatan yang lebih baik, mereka mampu menanggung perbelanjaan keluarga terutama kos pendidikan anak-anak.

Namun, ada juga kekurangan bekerja di luar negara seperti jawatan yang ditawarkan berstatus kontrak yang perlu diperbaharui setiap tahun dan di negara tertentu seperti Singapura, mereka perlu mencari rumah dan kenderaan sendiri untuk ke tempat kerja.

Bersambung di muka 4

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

Kisah jururawat Malaysia di luar negara

Dari muka 1

KISAH 1
Jururawat, Nor Azlina Taib, 41 tahun

GAJI RM21,110.28, TIGA BULAN BONUS

Nor Azlina yang baru bekerja di sebuah hospital di Singapura selama empat bulan, dapat merasakan jurang yang ketara antara gaji diterima dan beban tugas yang berkurangan berbanding ketika bekerja di Malaysia.

Katanya, kerjaya di luar negara memberi lebih banyak faedah dan ganjaran sehingga membuatkan lebih ramai jururawat Malaysia ingin berpindah ke luar negara.

"Di Singapura, jururawatnya memang membuat kerja sebagai jururawat sahaja, jadi ini membolehkan kami memberi fokus sebetul-betulnya kepada kejururawatan tetapi di Malaysia pula terlalu banyak tugas *paperwork*."

"Soal gaji pula terlalu banyak perbezaannya. Sebagai contoh, jururawat yang ada asas kejururawatan elaanunya di Malaysia hanya RM100 sebulan tetapi di hospital yang saya bekerja sehingga SGD 700 (RM 2,462.87)."

"Jurangnya besar sedangkan asas kejururawatan ini amat susah sebab itu kebanyakan jururawat yang ada kelebihan ini akan berpindah ke luar negara kerana di sana kami dibayar mengikut kelayakan," katanya.

Dia menerima tawaran gaji sebanyak SGD 6,000 (RM 21,110.28) tidak termasuk elaan



NOR AZLINA

dan faedah lain.

"Di luar negara, kuota mengikut kelayakan jururawat banyak. Di Malaysia, ramai jururawat yang ada ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana tetapi kerana alasan kuota, kenaikan gred penuh terhalang."

"Bahagian kejururawatan juga masih dengan kaedah 'cara lama' iaitu tidak mahu orang-orang muda yang ada ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana bergerak lebih ke hadapan, kebanyakan masih menggunakan idea lama."

"Kini sudah banyak jururawat senior mula meletakkan jawatan untuk bekerja di luar negara terutama Singapura."

"Sekarang ramai jururawat yang senior meletakkan jawatan mereka sebab kalau di Singapura, perkhidmatan selama lima

tahun terus melayakkan mereka menerima skim pencen dan dapat wang ganjaran dan bonus pula mengikut hospital."

"Macam di tempat saya, tiga kali bonus setahun. Bulan Disember *Atypical working scheme* (AWS) sebulan gaji, bulan Januari tengok Indeks Petunjuk Utama (KPI) minimum dan selalunya mereka dapat tiga bulan gaji, bulan April pula setengah bulan gaji," ujarnya.

Sehubungan itu, Nor Azlina berkata, kerajaan perlu melakukan kajian yang menyeluruh mengenai kebajikan kejururawatan jika tidak mahu lebih ramai golongan itu berhijrah ke luar negara.

KISAH 2
Jururawat, Zuraini Zainal, 45 tahun

GAJI DI RIYADH LEBIH RM12,000 SEBULAN

Zuraini memilih Riyadh, Arab Saudi sebagai lubuk mencari rezeki kerana gaji yang ditawarkan di sana jauh lebih berbaloi berbanding Malaysia.

"Saya berasal dari Perak dan sudah lima tahun berada di negara ini. Kini saya mampu memperoleh pendapatan empat kali ganda dengan melakukan kerja yang sama di hospital tempatan."

"Kos sara hidup tinggi dan nilai mata wang yang semakin rendah membuatkan saya bera-sa tertekan dengan pendapatan yang saya terima sebelum ini. Gaji yang diperoleh tidak men-

cukupi untuk menampung keperluan keluarga.

"Sebelum ini, gaji saya di Malaysia tidak melebihi RM4,000 sebulan namun di Arab Saudi, pendapatan saya mampu mencecah 10,000 riyal atau lebih RM12,000 sebulan."

"Jadi saya memilih untuk berjauhan daripada keluarga kerana ingin memberi bantuan kewangan yang lebih stabil bagi menanggung perbelanjaan keluarga terutama kos pendidikan anak-anak," katanya ketika dihubungi.

KISAH 3
Jururawat, Zara, 37 tahun

BEKERJA HANYA TIGA ATAU EMPAT HARI SEMINGGU

Zara berkata, dengan pendapatan bulanan mencecah RM17,000 termasuk elaan dan waktu bekerja empat hari seminggu, menjadikan Arab Saudi sebagai destinasi terbaik sebagai jururawat meneruskan kerjaya mereka.

"Jururawat yang mempunyai pengalaman kerja lima tahun dan ke atas mampu memperoleh gaji bulan melebihi RM20,000."

"Kebanyakan jururawat Malaysia ditempatkan di hospital kerajaan dan universiti."

"Menariknya, kesemua mereka yang bertugas di sini diberikan rumah dan pengangkutan secara percuma untuk berulang alik ke tempat kerja," katanya.

Selain itu, kata Zara, mereka hanya perlu bekerja antara tiga hingga empat hari seminggu sa-



Gaji bulan mencecah RM17,000 termasuk elaan dan waktu bekerja empat hari seminggu menjadikan Arab Saudi sebagai destinasi buat saya sebagai jururawat Malaysia memilih untuk berhijrah mencari rezeki."

ZARA

haja dengan waktu bekerja sekitar 12 jam sehari.

"Jururawat Malaysia yang bekerja di negara ini ditawarkan kontrak selama setahun dan kebiasaan diperbaharui setiap tahun."

"Sebelum ini ada dalam kalangan rakyat tempatan yang melanggar perjanjian dengan bekerja dua tahun berbanding tiga tahun."

"Terbaharu, selain Arab Saudi ada juga dalam kalangan rakan-rakannya yang memilih untuk bekerja di Singapura selepas negara berkenaan membenarkan jururawat memakai tudung."

"Bagaimanapun individu yang bekerja di Singapura perlu mencari penempatan dan kenderaan sendiri untuk ke tempat

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGERI

Tubuh Majlis Jururawat tangani isu

PETALING JAYA: Kerajaan dicadangkan menubuhkan Majlis Jururawat bagi meningkatkan perjawatan dan menjamin isu-isu berbangkit secara menyeluruh pada masa akan datang.

Presiden Kesatuan Jururawat Malaya (MNU), Saaidah Athman berkata, kewujudan majlis berkenaan perlu bagi membolehkan perjawatan jururawat berdiri sendiri.

“Dengan adanya Majlis Jururawat, boleh selesaikan isu-isu berkaitan dengan perjawatan jururawat (termasuk soal kebijakan, gaji dan elaun) dengan lebih menyeluruh.

“Selain itu, ia membolehkan kami membuat keputusan dan tentukan rawatan terbaik untuk pesakit. Misalnya pesakit jatuh,

Perlu dinaikkan lebih RM2,000, wujudkan elaun-elaun baharu elak hijrah

Gaji jururawat Malaysia antara terendah di ASEAN

MEMERIKAH BERSEKUTU

PETALING JAYA: Gaji beberapa perjawatan Malaysia lebih rendah berbanding rakan sejawatan di Kemboja, Vietnam dan Filipina yang mempunyai masalah gaji berbanding dengan ia.

berdasarkan data gaji tahunan jururawat ASEAN, Laos mempunyai gaji tertinggi dengan RM973.54 diikuti Myanmar (RM1,129), Indonesia (RM1,409) dan Malaysia (RM1,502).

Gaji jururawat di Vietnam ialah RM1,932 manakala Filipina

RM2,199 dan Kemboja pula RM4,422 sahaja. Laporan dikeluarkan dalam samping Disember 2022 membandingkan barangan perkhidmatan kesihatan berbanding (RM8,373), Vietnam dan Filipina (RM14

pendapatan di negara lain termasuk Singapura yang mempunyai gaji bermula RM8,000.

UTUSAN Malaysia
18 April 2024.

jadi jururawat boleh cadangkan diagnos,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Namun, beliau percaya, perubahan itu mungkin memakan masa lama kerana ia memerlukan perubahan dalam sistem.

“Supaya jururawat bukan sekadar membantu, tetapi melakukan perawatan kepada pesakit mengikut ilmu dan kepakaran mereka,” katanya.

Semalam, akhbar ini melaporkan, gaji bulanan juru-

rawat Malaysia lebih rendah berbanding rakan sejawatan di Kemboja, Vietnam dan Filipina yang saiz ekonomi mereka lebih kecil berbanding negara ini.

Keadaan itu menjadi punca kekosongan jururawat di Kementerian Kesihatan meningkat 10 hingga 40 peratus dalam tempoh empat tahun bermula negara dilanda pandemik Covid-19.

Saaidah berkata, MNU sentiasa membangkitkan isu gaji dan elaun yang tidak relevan dengan keadaan ekonomi sekarang pada setiap tahun sejak 2018.

Bagaimanapun, katanya, alasan diterima kewangan negara tidak memberangsangkan bagi membolehkan kerajaan menaikkan kadar gaji dan elaun.